

17/06/2004

Mahathir syor majukan kampung

SINTOK: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kampung tradisional di seluruh negara yang terpinggir daripada pembangunan wajar diperbaiki dan diperbaharui untuk kepentingan penduduknya.

Beliau berkata, kampung tradisional wajar diganti kampung yang lebih lengkap bagi memastikan rakyat menikmati kehidupan selesa, malahan meningkatkan taraf hidup seperti di bandar.

Beliau berkata, projek Kampung Tradisional Lembah Keriang dan Kampung Tradisi Paya Pahlawan di daerah Kubang Pasu, yang dirasmikan semalam, boleh menjadi model kampung tradisional untuk dibangunkan di seluruh negara, khususnya dari segi perancangan, pelaksanaan dan perbelanjaan.

"Ramai yang salah anggap tujuan membangunkan projek ini... seolah-olah ini saja yang dapat dibangunkan kerajaan.

"Projek ini akan menjadi contoh kampung tradisi di seluruh negara, bukan di Kubang Pasu saja.

"Daripada projek di Kubang Pasu ini, kita dapat tahu butiran pembangunan kampung tradisi.

"Rumah ini juga bukan percuma kerana sebahagian kos ditanggung kerajaan dan mereka yang membeli seharusnya bersyukur," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan kunci rumah kedua-dua kampung itu di Dewan Kampung Tradisi Lembah Keriang, Jalan Sintok dekat sini, semalam. Turut hadir isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan sumbangan derma siswa bakti kepada 32 pelajar miskin cemerlang dari daerah itu.

Projek kampung tradisional pertama di negara ini adalah cetusan idea Dr Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri. Kampung Tradisi Paya Pahlawan, dekat Jitra mempunyai 161 unit rumah di kawasan seluas 31.2 hektar manakala Kampung Tradisi Lembah Keriang mempunyai 191 unit rumah di kawasan seluas 36 hektar.

(END)